Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 9(1): 61 - 69 (2001)

ISSN: 0128-7702
© Universiti Putra Malaysia Press

Sokongan Sosial, Kualiti Hubungan dan Kesejahteraan Psikologi antara Anak Dewasa dengan Ibu Bapa

TENGKU AIZAN HAMID

Department of Human Development and Family Studies
Faculty of Human Echology, Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM, Serdang, Selangor

Kata kunci: Sokongan sosial, kualiti hubungan, kesejahteraan psikologi, anak dewasa, ibu bapa

ABSTRAK

Kajian ini mengenal pasti perkaitan antara sokongan sosial, kualiti hubungan anak dewasa dengan ibu bapa dengan kesejahteraan psikologi masing-masing. Perkaitan antara faktor sosiodemografi (umur, jantina, status perkahwinan dan pendapatan) terhadap sokongan sosial serta kualiti hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa turut dikaji. Data 25 orang ibu, 25 orang bapa dan 50 anak dewasa menunjukkan kualiti hubungan yang tinggi akan menambahkan kesejahteraan psikologi anak dan ibu bapa. Anak dewasa muda dan ibu bapa yang berpendapatan tinggi mempunyai kualiti hubungan yang rendah. Anak dewasa muda juga jarang menerima sokongan sosial. Anak dewasa dan ibu bapa yang tinggal bersama perlu mewujudkan dan mengekalkan hubungan baik antara mereka bagi menjamin kesejahteraan psikologi. Langkah-langkah perlu diambil bagi menggalakkan lagi persefahaman melalui komunikasi berkesan dan program-program perpaduan keluarga.

ABSTRACT

This study investigated the relationships between social support and quality of parent-adult child relationship with their psychological well-being. In addition, the relationships between socio-demographic factors (age, gender, marital status and income) on social support and quality of parent-adult child relationships were investigated. Data from 25 mothers, 25 fathers and 50 adult children showed that only the higher quality of parent-adult child relationships will increase their psychological well-being. The younger adult children and economically independent parents had lower relationship quality. The younger adult children also receive fewer social support. Coresidence parents and adult children must create and maintain good parent-child relationships to maintain psychological well-being. Therefore steps must be taken to promote understanding through effective communication and family togetherness programmes.

PENGENALAN

Hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa adalah penting. Mereka saling memerlukan sama ada dalam bentuk fizikal atau emosi. Kajian yang dijalankan oleh Markides, Boldt dan Ray (1986) mendapati bahawa keluarga merupakan sumber nasihat dan pertolongan yang dominan bagi semua generasi. Hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa ini turut memberi kesan terhadap kesejahteraan psikologi masing-masing. Kesejahteraan psikologi ialah keadaan apabila individu kurang mengalami tekanan (Markides dan Krause 1985; Umberson 1989).

Sokongan sosial telah dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi kesejahteraan psikologi antara anak dewasa dengan ibu bapa. Sokongan sosial timbal balik yang tinggi antara anak dewasa dengan ibu bapa meningkatkan kesejahteraan psikologi masing-masing (Umberson 1992). Kurang sokongan sosial di antara ahli keluarga akan mendedahkan kepada situasi psikopatologi (Procidano dan Heller 1983). Ini bermaksud individu mungkin akan mengalami masalah psikologi seperti depresi sekiranya mereka kurang menerima sokongan sosial daripada ahli keluarga.

Sementara itu, kualiti hubungan antara ibu bapa dengan anak dewasa juga telah dilaporkan mempunyai perkaitan dengan kesejahteraan psikologi ibu bapa anak dewasa (Caltvedt dan Ieigh 1984). Ibu bapa yang mempunyai hubungan rapat dengan anak dewasa melaporkan tahap kebahagiaan yang tinggi (Amato 1994) dan kesihatan mental yang tinggi (Barnett, Kibria, Baruch dan Pelck 1991). Manakala, Markides dan Krause (1985) mendapati pertalian yang kuat antara anak dewasa dengan ibu bapa membawa kepada depresi yang tinggi kepada ibu bapa. Ini menunjukkan hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa memberi kesan yang berbeza kepada ibu bapa dan anak dewasa.

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji perkaitan di antara kualiti hubungan dan sokongan sosial antara anak dewasa dengan ibu bapa yang tinggal serumah dengan kesejahteraan psikologi masing-masing. Perkaitan antara faktor sosiodemografi (umur, jantina, status perkahwinan, taraf pendidikan dan pendapatan) anak dewasa dan ibu bapa dengan kualiti hubungan dan sokongan sosial antara anak dewasa dengan ibu bapa turut dikaji.



Rajah 1. Kerangka kerja konseptual

METODOLOGI

Persampelan

Seramai 100 responden dari empat kampung yang terletak di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Wakaf Mempelam, Kuala Terengganu, Terengganu telah dipilih bagi tujuan kajian. Responden terbahagi kepada 50 anak dewasa yang berumur 21 tahun ke atas dan 25 ibu dan 25 bapa mereka. Responden dipilih menggunakan persampelan kuota secara bertanyakan terus kepada responden atau penduduk kampung tentang individu yang memenuhi kriteria berikut; (a) anak dewasa dan ibu bapa hendaklah biasa tinggal bersama dan bersedia untuk ditemu bual semasa kajian dijalankan. Sekiranya terdapat lebih daripada seorang anak dewasa tinggal bersama, anak dewasa yang ada dan bersedia untuk ditemu bual semasa kajian dijalankan akan dipilih; dan (b) Ibu bapa biologi kepada anak dewasa sahaja dipilih sebagai responden. Tujuan kriteria diadakan ialah supaya responden seragam, memenuhi kehendak instrumen dan untuk mengurangkan ralat.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada satu borang soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A untuk anak dewasa dan Bahagian B untuk ibu bapa. Kedua-dua bahagian mengandungi soalan yang sama berbentuk aneka pilihan yang mana responden ditemu bual oleh penyelidik.

Kesejahteraan psikologi diukur menggunakan "Center for Epidemiological Studies Depression (CES-D) Scale" yang mengandungi 11 pernyataan yang didapati dari Umberson (1992). Pernyataan tersebut tentang kekerapan individu merasa tertekan, sukar/berat melakukan sesuatu, tidur yang tidak nyenyak, bahagia, kesunyian, individu lain tidak mesra, kehidupan yang menyeronokkan, selera makan terganggu, sedih, tidak disukai dan tidak bermaya di sepanjang minggu yang lepas. Contoh kenyataan adalah seperti berikut: "Saya rasa murung", dan "Saya rasa kesunyian". Respons adalah dari segi kekerapan responden mengalami perasaan sepanjang minggu lepas. Kod kekerapan diberi nilai 1 = tidak pernah (0 hari dalam seminggu), 2 = jarang (1-2 hari dalam seminggu), 3 = kadang-kadang (3-5 hari dalam seminggu) dan 4 = selalu (6-7 hari dalam seminggu). Bagi tujuan

memudahkan tafsiran data maka kod markah skala diterbalikkan bagi pernyataan yang berbentuk negatif. Oleh itu semakin tinggi skor yang diperolehi, bermakna semakin meningkat kesejahteraan psikologi responden. Realibiliti skala kajian ini ialah 0.87 untuk ibu bapa dan 0.78 untuk anak dewasa.

Kualiti hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa diukur menggunakan empat pernyataan yang dibentuk oleh Bengston dan Schrader (1982), mengenai kepercayaan atau sikap mengambil tahu yang wujud antara mereka. Dua pernyataan ketegangan hubungan mengenai kewujudan konflik atau berapa kritikalkah hubungan antara mereka yang dibentuk oleh Whitebeck, Hoyt dan Huck (1994) turut disertakan. Maklum balas responden terhadap pernyataan tersebut diberi nilai 1 = tidak sedikit pun, 2 = sedikit benar, 3 = banyak benar dan 4 = terlalu banyak benar. Bagi tujuan memudahkan tafsiran data, maka kod markah skala diterbalikkan untuk pernyataan negatif iaitu bagi soalan berkaitan dengan ketegangan hubungan. Oleh itu semakin tinggi skor menunjukkan semakin berkualiti hubungan. Realibiliti skala kajian ini ialah 0.77 untuk ibu bapa dan 0.74 untuk anak dewasa.

Kewujudan sokongan sosial diukur menggunakan "Inventory of Socially Supportive Behaviors (ISSB)" yang dibentuk oleh Barrera. Sandler dan Ramsay (1998). Sebanyak 25 pernyataan yang merangkumi sokongan emosi, sokongan maklumat dan sokongan instrumental yang berkitan dengan sokongan sosial antara anak dewasa dengan ibu bapa dan kesejahteraan psikologi individu diambil dari 40 pernyataan asal. Pernyataan sokongan emosi merangkumi empati, mengambil berat, perasaan sayang dan kepercayaan sokongan instrumental merangkumi pertolongan secara langsung seperti bantuan kewangan penjagaan harta benda, penyediaan kemudahan pengangkutan, tempat kediaman, serta bantuan kerja rumah. Sokongan maklumat pula merangkumi penyediaan maklumat yang dapat membantu individu menyelesaikan masalah. Kekerapan individu menerima sokongan dalam masa seminggu yang lepas diberi nilai seperti berikut; 1 = tidak pernah sehingga 4 selalu. Semakin tinggi skor yang diperolehi semakin kerap responden menerima sokongan dari ibu bapa atau anak dewasa. Realibiliti skala gabungan sokongan emosi, sokongan instrumental dan sokongan maklumat dari kajian ini ialah 0.92 untuk ibu bapa dan 0.90 untuk anak dewasa.

Analisis Data

Maklumat sosiodemografi responden kesejahteraan psikologi, kualiti hubungan dan sokongan sosial dihuraikan menggunakan statistik deskriptif. Ujian korelasi Pearson digunakan untuk mengkaji perkaitan antara kualiti hubungan dan sokongan sosial dengan kesejahteraan psikologi dan perkaitan antara faktor sosiodemografi (umur, jantina dan pendapatan) dengan aspek hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa. Ujian khi kuasa dua juga digunakan untuk mengkaji perkaitan antara faktor sosiodemografi (umur, jantina dan pendapatan) dengan aspek hubungan antara faktor sosiodemografi (status perkahwinan dan taraf pendidikan) dengan aspek hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa.

PERBINCANGAN

Maklumat Demografi Anak

Kajian ini melibatkan 50 anak dewasa dengan purata umur adalah 25.7 tahun. Majoriti responden (60%) berada dalam lingkungan umur 21-25 tahun. Lima puluh lapan peratus responden adalah perempuan dan sebahagian besar responden (82%) tidak pernah berkahwin, 8% berkahwin dan 1% peratus adalah duda. Taraf pendidikan anak tertinggi adalah di peringkat ijazah dan terendah adalah di peringkat sekolah rendah. Didapati lebih dari separuh responden (58%) mempunyai pendidikan sehingga Tingkatan Lima. Enam puluh lapan peratus responden bekerja dan dari segi pendapatan pula seramai 64.7% responden mempunyai pendapatan kurang dari RM 500 sebulan. Purata pendapatan ialah RM 602.8 sebulan (Jadual 1).

Maklumat Demografi Ibu Bapa

Seramai 25 ibu dan 25 bapa yang tinggal bersama anak dewasa turut terpilih sebagai responden. Jadual 2 menunjukkan purata umur responden ialah 56.4 tahun dan sejumlah 42% responden berumur dalam lingkungan 51 hingga 59 tahun. Tujuh puluh enam peratus responden masih mempunyai pasangan, 22% adalah balu atau duda dan hanya 2% peratus responden telah bercerai. Lima puluh peratus responden tidak bersekolah, 34% berpendidikan sekolah rendah

JADUAL 1
Taburan latar belakang anak

Angkubah	Bilangan	%	Min	SD
Umur			25.7	4.9
21-25	30	60.0		
26-40	20	40.0		
Jantina				
Lelaki	21	42.0		
Perempuan	29	58.0		
Status perkahwinan				
Tidak pernah berkahwin	41	82.0		
Berkahwin	8	16.0		
Duda	1	2.0		
Taraf pendidikan				
Sekolah rendah	1	2.0		
Tingkatan	31	2.0		
Tingkatan	529	58.0		
Tingkatan	68	16.0		
Sijil/Diploma	9	18.0		
Ijazah	2	4.0		
Pekerjaan				
Tidak bekerja	16	12.0		
Bekerja	34	68.0		
Pendapatan			602.8	340.6
Kurang daripada RM 500	22	64.7		
RM501-RM1000	9	26.5		
Lebih daripada RM1000	3	8.8		

dan hanya 12% mempunyai sijil atau diploma. Dari segi pekerjaan, 46% responden bekerja, 10% pesara dan 44% tidak bekerja. Purata pendapatan responden yang bekerja dan pesara ialah RM474.3 sebulan dan majoriti responden (82.1%) berpendapatan kurang dari RM500 sebulan.

Latar Belakang Anak dan Ibu bapa

Dalam aspek pemilikan rumah yang didiami bersama oleh anak dewasa dan ibu bapa, didapati 90% rumah adalah milik ibu bapa. Sejumlah 44% responden mempunyai anak seramai 4 orang hingga 6 orang dengan purata bilangan anak bagi setiap responden (ibu bapa) ialah 6 orang. Didapati juga 48% responden (ibu bapa) mempunyai seramai seorang hingga 3 orang anak yang tinggal bersama. Dari segi perbelanjaan rumah pula, 54% responden ibu bapa menanggung perbelanjaan rumah dan hanya 14% responden berstatus anak menanggung perbelanjaan rumah (Jadual 2).

Taburan Skor Kesejahteraan Psikologi, Kualiti Hubungan dan Sokongan sosial

Kesejahteraan Psikologi

Kajian ini mendapati purata skor kesejahteraan psikologi anak dewasa ialah 36 (SD = 4.6). Lebih separuh daripada responden anak (54%) mempunyai skor kesejahteraan psikologi yang rendah iaitu skor kurang dari nilai purata, manakala hanya 46% responden mempunyai skor kesejahteraan psikologi yang tinggi. Bagi ibu bapa pula, purata skor ialah 34 (SD = 5.4). Berdasarkan nilai purata ini, didapati 60% responden mempunyai skor yang rendah dan hanya 40% responden mempunyai skor kesejahteraan psikologi yang tinggi. Secara keseluruhannya didapati majoriti anak dewasa dan ibu bapa yang tinggal serumah mempunyai kesejahteraan psikologi yang rendah (Jadual 3).

Kualiti Hubungan

Purata skor kualiti hubungan antara anak dewasa dan ibu bapa dari pihak anak ialah 20.3 dengan

JADUAL 2
Taburan latar belakang ibu bapa

Angkubah	Bilangan	%	Min	S.D
Umur			56.4	8.8
40 – 50	15	30.0		
51 – 59	21	42.0		
60 – 78	14	28.0		
Jantina				
Lelaki	25	50.0		
Perempuan	25	50.0		
Status perkahwinan				
Berkahwin	38	76.0		
Balu/Duda	11	22.0		
Bercerai	1	2.0		
Taraf pendidikan				
Tidak bersekolah	25	50.0		
Sekolah rendah	17	34.0		
Tingkatan 3	1	2.0		
Tingkatan 5	1	2.0		
Sijil/Diploma	6	12.0		
Pekerjaan				
Bekerja	23	46.0		
Pesara	5	10.0		
Tidak bekerja	22	44.0		
Pendapatan			474.3	384.8
Kurang daripada RM 500	23	82.1		
RM 501- RM 1000	2	7.1		
Lebih daripada RM 1000	3	10-7		
Pemilik rumah				
Ibu bapa	45	90.0		
Anak	5	10.0		
Bilangan anak			5.9	2.3
1 – 3	10	20.0		
4 – 6	22	44.0		
7 – 9	16	32.0		
10 – 13	2	4.0		
Bilangan anak yang tinggal bersama			3.2	2.0
1 – 3	24	48.0		
4 – 6	19	38.0		
7 – 10	7	14.0		
Tanggung perbelanjaan rumah				
Ibu bapa	27	54.0		
Anak	7	14.0		
Berkongsi	16	32.0		

JADUAL 3
Taburan skor kesejahteraan psikologi

Kesejahteraan Psikologi	Anak	Ibu bapa
Min	36.0	34.3
S.D	4.6	5.4
Tinggi (%)	46.0	40.0
Rendah (%)	54.0	60.0

nilai sisihan piawai 2.1 (SD = 2.1). Berdasarkan jumlah purata tersebut, didapati 60% responden anak mempunyai skor kurang dari nilai purata dan 40% responden mempunyai skor melebihi nilai purata. Bagi pihak ibu bapa pula purata skor kualiti hubungan ialah 20.1 dengan nilai sisihan piawai 2.3 (SD = 2.3). Didapati 58% responden ibu bapa mempunyai skor melebihi

nilai purata dan selebihnya (42%) mempunyai skor kurang dari nilai purata. Ini menunjukkan lebih daripada separuh ibu bapa (58%) melaporkan bahawa kualiti hubungan dengan anak dewasa yang tinggal serumah adalah baik, manakala kurang dari separuh anak (40%) melaporkan bahawa kualiti hubungan dengan ibu bapa mereka adalah baik (Jadual 4).

JADUAL 4
Taburan skor kualiti hubungan

Kualiti Hubungan	Anak	Ibu bapa
Min	20.3	20.1
S.D	2.1	2.3
Tinggi (%)	40.0	58.0
rendah (%)	60.0	42.0

Sokongan Sosial

Purata skor sokongan sosial yang diterima oleh anak dewasa dari ibu bapa yang tinggal serumah pula ialah 67.6 dengan nilai sisihan piawai 12.5 (SD = 12.5). Empat puluh peratus responden mempunyai skor melebihi skor purata, manakala 54% responden mempunyai skor kurang dari skor purata. Purata skor sokongan sosial yang diterima oleh ibu bapa dari anak dewasa pula ialah 68.5 (SD = 13). Didapati 52% responden mempunyai skor melebihi skor purata manakala 48% responden mempunyai skor kurang dari skor purata. Secara keseluruhannya, didapati lebih separuh dari anak dewasa (54%) kurang menerima sokongan sosial dari ibu bapa yang tinggal bersama berbanding ibu bapa apabila lebih daripada separuh ibu bapa (52%) menerima sokongan sosial yang tinggi daripada anak dewasa mereka. (Jadual 5).

JADUAL 5
Taburan skor sokongan sosial

Sokongan sosial	Anak	Ibu bapa
Min	67.6	68.5
S.D	12.5	13.0
Tinggi (%)	46.6	52.0
Rendah (%)	54.0	48.0

Perkaitan Aspek Hubungan dengan Kesejahteraan Psikologi

Ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat perkaitan hubungan yang signifikan dan positif antara kualiti hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa dengan kesejahteraan psikologi anak ($r=0.35$, $p<0.05$)dan kesejahteraan ibu bapa ($r=0.56$, $p<0.01$). Ini bermakna semakin tinggi kualiti hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa yang tinggal serumah semakin tinggi kesejahteraan psikologi anak dan ibu bapa (Jadual 6). Hasil kajian ini konsisten dengan pendapat Barnett, Kibria, Baruch dan Pleck (1991) yang mendapati kualiti hubungan yang tinggi antara anak dewasa dengan ibu bapa akan menambahkan kesejahteraan psikologi anak. Kualiti hubungan yang tinggi antara anak dewasa dengan ibu bapa juga akan menambahkan kesejahteraan psikologi ibu bapa (Calvedt dan Leigh 1984).

JADUAL 6
Jadual korelasi antara kualiti hubungan dengan sokongan sosial antara anak dewasa dengan ibu bapa dengan kesejahteraan psikologi anak dan ibu bapa

	r	
	Anak	Ibu bapa
Kualiti hubungan	0.35*	0.56*
Sokongan sosial	0.11	0.17
** Signifikan pada p<	0.01	
* Signifikan pada p<	0.05	

Didapati juga tiada perkaitan yang signifikan antara sokongan sosial antara anak dewasa dengan ibu bapa yang tinggal serumah dengan kesejahteraan psikologi anak dewasa dan ibu bapa (Jadual 6). Sebaliknya hasil kajian Bankoff (1983) mendapati perkaitan yang kuat antara sokongan sosial yang diterima oleh anak perempuan daripada ibu dengan kesejahteraan psikologi anak. Perbezaan ini wujud mungkin disebabkan responden kajian beliau adalah janda dan tidak tinggal bersama dengan ibu bapa. Oleh itu anak memerlukan sokongan dari ibu dalam menangani masalah yang dihadapi setelah ketiadaan pasangan dan ia turut mempengaruhi kesejahteraan psikologi anak.

Perkaitan Ciri Demografi dengan Aspek Hubungan

Kajian ini juga mendapati perkaitan yang signifikan dan perhubungan yang positif antara umur anak ($r-0.37$, $p<0.01$) dengan perhubungan yang negatif antara pendapatan ibu bapa ($r=0.52$,

$p<0.01$) dengan kualiti hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa. Ini bermakna semakin meningkat umur anak dan semakin kurang pendapatan ibu bapa semakin tinggi kualiti hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa (Jadual 7).

JADUAL 7
Jadual korelasi antara faktor sosiodemografi anak dan ibu bapa dengan kualiti hubungan

Sosiodemografi		
	Anak	Ibu bapa
Umur	0.37**	0.22
jantina	-0.11	0.09
Status Perkahwinan#	3.25	0.41
Taraf pendidikan#	2.04	0.74
Pendapatan	0.23	-0.52**

** Signifikan pada $p \leq 0.01$
# Nilai χ^2 pada ujian Khi kuasa dua

Aquilino dan Supple (1991) turut mendapati bahawa semakin meningkat umur anak semakin kurang ketegangan hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa. Umberson (1992) juga mendapati ibu bapa yang berpendapatan tinggi mempunyai lebih ketegangan hubungan dengan anak. Ini mungkin disebabkan anak dewasa terlalu bergantung kepada ibu bapa yang berpendapatan tinggi dari segi kewangan. Contohnya kajian ini dari segi perbelanjaan rumah bagi isi rumah yang anak dewasa dan ibu bapa berkongsi tempat tinggal. Didapati 54% ibu bapa daripada jumlah responden (anak dan ibu bapa) menanggung perbelanjaan rumah, sendiri tanpa dibantu oleh anak dewasa yang tinggal bersama. Ini mungkin menyebabkan timbulnya ketegangan hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa. Situasi ini berlaku mungkin disebabkan oleh umur anak yang masih muda dan kurang matang, maka mereka tidak dapat menguruskan hal kewangan bagi diri sendiri dan keluarga dengan baik.

Didapati juga tiada perkaitan yang signifikan antara jantina anak, status perkahwinan anak, taraf pendidikan anak dan pendapatan anak dengan kualiti hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa. Umur ibu bapa, jantina ibu bapa, status perkahwinan ibu bapa, taraf pendidikan ibu bapa juga tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kualiti hubungan anak dewasa dengan ibu bapa (Jadual 7).

Hanya umur anak mempunyai perkaitan yang signifikan dan perhubungan yang negatif ($r=0.26$, $p < 0.05$) dengan sokongan sosial yang diterima oleh anak dewasa dari ibu bapa yang tinggal seruamah (Jadual 8). Ini bermakna semakin meningkat umur anak dewasa semakin kurang sokongan sosial diterima daripada ibu bapa. Ini mungkin disebabkan anak yang semakin berumur, semakin matang dan dapat menangani hidup mereka sendiri. Semakin meningkat umur anak juga maka ibu bapa mereka semakin berumur dan ini mungkin menyebabkan anak tidak mengharapkan pertolongan dari ibu bapa. Oleh itu mereka kurang bergantung kepada ibu bapa. Sebaliknya Umberson (1992) mendapati semakin meningkat umur anak, semakin tinggi sokongan diterima daripada ibu bapa. Percanggahan hasil kajian ini mungkin disebabkan terdapat perbezaan pada skala sokongan sosial yang digunakan.

JADUAL 8
Jadual korelasi antara faktor sosiodemografi anak dan ibu bapa dengan sokongan sosial

Sosiodemografi	r	
	Anak	Ibu bapa
Umur	-0.26*	-0.11
Jantina	0.01	0.22
Status Perkahwinan#	2.50	1.36
Taraf Pendidikan#	0.54	0.00
Pendapatan	0.16	-0.12

* Signifikan pada $p \leq 0.05$
# Nilai χ^2 pada ujian Khi kuasa dua

Faktor sosiodemografi seperti umur, jantina, status perkahwinan, taraf pendidikan dan pendapatan anak dewasa dan ibu bapa kecuali umur anak didapati tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan sokongan sosial sesama mereka. Ini menunjukkan bahawa faktor sosiodemografi tersebut tidak mempunyai perkaitan dengan sokongan sosial antara anak dewasa dengan ibu bapa yang tinggal bersama (Jadual 8). Walau bagaimanapun Mutran dan Reitzes (1984) mendapati di dalam kajian beliau bahawa ibu bapa berstatus janda atau duda menerima sokongan sosial yang tinggi dari anak

dewasa berbanding ibu bapa yang berkahwin. Perbezaan ini wujud mungkin disebabkan terdapat responden kajian beliau yang tidak tinggal bersama dengan ibu bapa, berbanding kajian ini apabila anak dewasa dan ibu bapa tinggal bersama. Oleh itu anak mungkin akan lebih memberikan perhatian kepada ibu bapa yang tinggal keseorangan, tambahan pula ibu atau bapa tersebut tinggal berasingan dari anak.

KESIMPULAN

Kajian ini telah dijalankan untuk melihat kesan perhubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa yang tinggal bersama terhadap kesejahteraan psikologi masing-masing. Aspek hubungan yang diambil kira di dalam kajian ini ialah kualiti hubungan dan sokongan sosial. Didapati aspek kualiti hubungan mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi anak dewasa dan ibu bapa. Semakin tinggi kualiti hubungan, semakin tinggi kesejahteraan psikologi masing-masing.

Sebaliknya aspek sokongan sosial antara anak dewasa dengan ibu bapa pula tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi anak dan ibu bapa. Ini bermakna sokongan sosial antara anak dewasa dengan ibu bapa tidak memberi kesan terhadap kesejahteraan psikologi masing-masing.

Hasil kajian ini juga mendapati hanya faktor sosiodemografi iaitu umur anak dan pendapatan ibu bapa mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kualiti hubungan di antara anak dewasa dengan ibu bapa yang tinggal serumah. Semakin meningkat umur anak dan semakin tinggi kualiti hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa yang tinggal serumah. Faktor umur anak turut mempunyai perkaitan yang signifikan dengan sokongan sosial yang diterima oleh anak dewasa dari ibu bapa, apabila semakin meningkat umur anak semakin kurang sokongan sosial diterima daripada ibu bapa. Manakala jantina, status perkahwinan dan taraf pendidikan anak dan ibu bapa tidak mempunyai perkaitan dengan sokongan sosial antara anak dewasa dengan ibu bapa.

Implikasi Kajian

Hasil kajian menunjukkan bahawa kualiti hubungan antara anak dewasa dengan ibu yang tinggal bersama serumah mempengaruhi kesejahteraan psikologi anak dan ibu bapa. Oleh itu anak dan ibu hendaklah menyedari bahawa hubungan yang baik antara mereka hendaklah diwujudkan serta dikekalkan kerana sebarang konflik atau ketegangan hubungan yang timbul dalam perhubungan di antara mereka akan mengurangkan kesejahteraan psikologi masing-masing.

Didapati juga antara faktor yang mempengaruhi kualiti hubungan antara anak dewasa dan ibu bapa adalah faktor kewangan ibu bapa di mana dengan meningkatnya ekonomi keluarga maka semakin rendah kualiti hubungan sesama mereka. Justeru itu, program yang dapat menambahkan lagi keakraban hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa hendaklah diwujudkan. Kempen-kempen seperti pembentukan keluarga bahagia dengan mewujudkan komunikasi berkesan di dalam keluarga dan aktiviti luar rumah yang dapat menggabungkan ahli keluarga dan menanamkan semangat kekeluargaan setiap ahli melalui aktiviti bersama perlu ditambah lagi, seiring dengan program peningkatan ekonomi keluarga. Ini penting bagi mewujudkan kualiti hubungan yang tinggi dan menjamin kesejahteraan psikologi antara anak dewasa dengan ibu bapa.

Walaupun aspek sokongan sosial antara anak dewasa dengan ibu bapa tidak mempengaruhi kesejahteraan psikologi masing-masing, ibu bapa dan anak hendaklah turut menyedari bahawa dengan saling memberi atau menerima sokongan sosial juga boleh membawa kepada hubungan yang berkualiti dan seterusnya akan menambahkan kesejahteraan psikologi masing-masing.

Cadangan

Dalam kajian ini, kesejahteraan psikologi di kalangan ibu bapa dan anak dewasa dilakukan secara menyeluruh iaitu tidak diasingkan hubungan anak lelaki dan perempuan dengan ibu bapa. Dari itu kajian akan datang perlu mengambil kira jantina anak dan ibu bapa dalam mengkaji kesan hubungan antara anak dewasa dengan ibu bapa terhadap kesejahteraan psikologi. Oleh itu hasil kajian akan menjadi lebih jelas dan khusus.

Kajian responden daripada kaum Cina dan India juga boleh dilakukan. Dari itu perbandingan antara kaum dapat dibuat. Perkaitan antara faktor sosiodemografi anak dan ibu bapa dengan kesejahteraan psikologi masing-masing juga boleh dikaji.

Kajian tentang perkaitan antara kualiti hubungan dan sokongan sosial antara anak dewasa dengan ibu bapa yang tinggal berasingan dengan kesejahteraan psikologi masing-masing juga boleh dilakukan. Oleh itu perbandingan dapat dibuat dengan hasil dari kajian ini bagi melihat sama ada terdapat perbezaan atau tidak tentang perkaitan di antara aspek hubungan tersebut antara anak dewasa dengan ibu bapa dengan kesejahteraan psikologi. Masing-masing, iaitu antara anak dewasa dengan ibu bapa yang tinggal bersama dengan anak dewasa dan ibu bapa yang tinggal berasingan.

Oleh kerana faktor sosiodemografi responden seperti jantina, status perkahwinan, taraf pendidikan dan pendapatan tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan aspek hubungan antara responden, maka dicadangkan supaya kajian akan datang menambah bilangan responden supaya hasil yang lebih baik diperoleh.

RUJUKAN

AMATO, P.R. 1994. Father-child relationsip, mother-child relationship, mother-child relationship and offspring psychological well-being in early adulthood. *Journal of Marriage and the Family* **56(4)**: 1031-1042.

AQUILINO, W.S. dan K.R. SUPPLE. 1991. Parent-child relations and parent's satisfaction with living arrangements when adult children live at home. *Journal of Marriage and the Family* **53(1)**: 13-27.

BANKOFF, E.A. 1983. Aged parents and their widowed daughters: A support relationship. *Journal of Gerontology* **38(2)**: 226-230.

BENGTSON, V.I. dan S.S. SCHRADER. 1982. Parent-Child Relations. In *Research Instruments in Social Gerontology,* D. Mangen dan W.A. Peterson (Eds.), Volume 2, pp. 115-186. Minneapolis: University of Minnesota Press.

CALTVEDT, E.J. dan G.K. LEIGH. 1984. Parent-adult child interaction and psychological well-being of the elderly. *Family Perspective* **18(3)**: 93-101.

MARKIDES, K.S., J.S. BOLDT and L.A. RAY. 1986. Sources of helping and intergenerational solidarity: a three-generations study of Mexican Americans. *Journal of Gerontology* **40(3)**: 390-392.

MUTRAN, E. dan D.C. REITZES. 1984. Intergenerational support activities and well-being among the elderly: a convergence of exchange and symbolic interaction perspectives. *American Sosiological Review* **49(1)**: 117-130.

PROCIDANO, M.E. and K. HELLER. 1983. Measures of perceived social support from friends and from family: there validation studies. *American Journal of Community Psychology* **11(1)**: 1-23.

UMBERSON, D. 1992. Relationships between adult children and their parents: psychological consequences for both generations. *Journal of Marriage and the Family* **54(3)**: 64-674.

WHITEBECK, L., D.R. HOYT dan S.M. HUCK. 1994. Early family relationships, intergenerational solidarity, and support provided to parents by their adult children. *Journal of Gerontology* **49(2)**: 85-94.

(Diterima: 9 Ogos 1996)

Preparation of Manuscript

Typing and Paper
The manuscript should be typed double spaced on A4 paper with 4cm margins on all sides. it should be limited to 25 pages including tables, illustrations and references.

Title page
The title of the paper, name of author and full address of the institution where the work was carried out should appear on this page. A short title not exceeding 60 characters should be provided for the running headlines.

Abstract
English and Bahasa Melayu abstracts of 200 words each should follow the title page. Papers from outside Malaysia may be submitted with an English abstract only.

Keywords
About six to ten keywords are required and these should be placed directly above the abstract.

Tables
Tables should be typed on separate pages and numbered using Arabic numerals. Each table should be referred to in the text, has a brief title and include explanatory notes, if necessary, below it. Vertical rules should not be used. Footnotes in tables should be designated by symbols or superscript small italic letters. Tables should conform to page size.

Equations
These must be clearly typed, triple-spaced. They should be identified by numbers in square brackets placed flush with the right margin.

Illustrations & Photographs
Illustrations including diagrams and graphs are to be referred to in the text as 'figures' and photographs as 'plates' and numbered consecutively in Arabic numerals. All photographs (glossy black and white prints) should be supplied with appropriate scales.

Illustrations should be of print quality; output from dotmatrix printers is not acceptable, Illustrations should be on separate sheets, about twice the size in print. All letters, numbers and legends must be included on the illustration with the author's name, short title of the paper, and figure number written on the verso. A list of captions should be provided on a separate sheet.

Spelling & Measurements
The Oxford English Dictionary should be consulted for spelling. Metric units must be used for empirical measurements.

Citations and References
Citations to the literature in the text should to be indicated by the author's name and year of publication in parentheses, e.g. (Barnett and Lewis 1982). If an author is quoted in the text, the year of publication should immediately follow in parentheses. e.g. Barnett and Lewis (1982) state that "....." Citation of a particular page follows the date and is preceded by a comma, e.g. Humphrey 1990, p. 26-27.

For works with multiple authors, the first author's surname is used followed by *et al.* The full form of citation is used for two authors.

If two or more works by the same author are cited together, the author's name is followed by the various years of publication arranged in chronological order e.g. (Sulaiman 1979, 1980, 1981). In case of citing an author with several works published in the same year, the works should be distinguished by the addition of a small letter e.g. Choa (1979a); Choa (1979b).

When several authors are cited, they are to be arranged in chronological order and separated by semicolons, e.g. Zaharah 1960; Yong 1980; Lewis 1990.

Serials are to be abbreviated as in the *World List of Scientific Periodicals*. The abbreviation for Pertanika Journal of Social Science and Humanities is *Pertanika J. Soc. Sci. Hum.*

The following reference style is to be observed:

Book
Shamsher Mohamed, Shamsuddin Ismail & Annuar Mohd. Nassir. 1989. *Asas Belanjawan Modal.* 197p. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia Press.

Chapter in Edited Book
Zahid Emby. 1990. The Orang Asli Regrouping Scheme-converting swiddeners to commerical farmers. In *Margins and Minorities - The Peripheral Areas and Peoples of Malaysia,* ed. V. T King & M.J.G. Parnwell, p. 94-109. Hull: Hull University Press.

Unpublished Materials (e.g. theses, reports, documents)
Shahwahid, H.O. 1989. Price competitiveness and demand behaviour of Malaysia Meranti lumber and hardwood plywood in the United States' import market. Ph.D. Dissertation, State University of New York. Syracuse.

Ministry of National Unity. 1973. A socio-economic survey on the new villages in Perak and Melaka. 67p. Malaysia.

Serials
Noran Fauziah Yaakub. 1990. A multivariate analysis of attitude towards teaching. *Pertanika* **13(2)**: 267-273.

Conference Proceedings
Amir Awang. 1992. Counselling, human resorces development and counseling services. In *Proceeding of Asia Pacific Conference on Human Resource Development,* ed. Sulaiman M. Yassin, Yahya Mat Hassan Kamariah Abu Bakar, Esah Munji anda Sabariah Mohd Rashid, p. 243-246. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.